

Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja**SOALAN 1**

- a. Terangkan definisi Tazkiah Nafs. (5 markah)
- b. Huraikan perkara berikut.
- i. Skop perbincangan ilmu Tazkiah Nafs. (5 markah)
 - ii. Sejarah penamaan Tazkiah Nafs. (5 markah)
- c. Terangkan bagaimana ilmu ini dibincangkan dalam kitab-kitab hadith. (10 markah)

SOALAN 2

Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.

قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهَاجَرْتُهٗ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Berkata Umar ra: "Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya hanyasanya amalan itu dengan niat. Sesungguhnya bagi setiap orang itu dikira (amalannya) mengikut apa yang dia niatkan. Sesiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dikejarinya atau kerana perempuan yang ia akan menikahnya maka hijrahnya itu (dikira) berdasarkan apa yang dia hijrahkan. (Hadith Riwayat Bukhari)

- a. Sanad hadith ini ditulis seperti berikut:

Bukhari → Humaidi → Sufian bin Uyainah → Yahya bin Sa`id → Muhammad bin Ibrahim → Alaqamah → Umar Al Khattab → Rasulullah saw

Terangkan makna *gharib* (غَرِيبٌ) berdasarkan sanad ini.

(5markah)

- b. Bincangkan sebab *wurud* hadith ini dengan mengemukakan dua kelompok pandangan ulama.

(10 markah)

- c. Al-Quran menekan masalah niat dalam pelbagai ayat contohnya dalam surah Al-Bayyinah ayat 5 :

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

Dan tidak diperintahkan mereka melainkan untuk beribadat kepada Allah dengan mengikhhlaskan ketaatan kepadaNya dalam menjalankan agama dengan lurus.

Bagaimanakah anda membezakan niat yang disebut dalam Al-Quran dengan niat yang disebut oleh para fuqaha berdasarkan hadith di atas?

(10 markah)

Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja

Soalan Pertama

1- Baca hadith berikut dan jawab soalan yang diberikan.

جُعِلَ رِزْقِي تَحْتَ ظِلِّ رُمْحِي

Dijadikan rezekiku di bawah bayangan tombakku.

(a) Hadith ini diriwayatkan oleh Ibnu Umar dalam kitab Bukhari secara ta`liq.
Apakah maksud hadith ini berhubung dengan konsep tawakkal?
(5 markah)

(b) Huraikan perkara-perkara berikut.

(i) Hubungan *kasb* (كَسْبٌ) usaha pencarian) dengan pemberi rezeki (رَازِقٌ) yang hakiki.
(5 markah)

(ii) Hubungan tawakkal dengan hati (قَلْبٌ) dan gerakan anggota (حَرَكََةُ الْجَوَارِحِ).
(5 markah)

(c) Sebutkan pengajaran tawakkal daripada hadith tersebut.
(10 markah)

[25 markah]

Soalan Kedua

2- Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.

عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: فَضْلُ الْعِلْمِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ فَضْلِ الْعِبَادَةِ وَخَيْرُ دِينِكُمُ الْوَرَعُ

Daripada Nabi saw baginda bersabda: Kelebihan ilmu lebih aku sukai daripada kelebihan ibadat. Sebaik-baik agama kamu ialah kewarakan.

(Mustadrak Hakim Hadith 314, Status hadith ini Sahih)

(a) Iman mempunyai hubungan yang kuat dengan warak. Huraikan bagaimana hubungan ini berlaku.

(5 markah)

(b) Huraikan definisi warak mengikut Jurjani berikut:

مُلَازِمَةُ الْأَعْمَالِ الْجَمِيلَةِ

Tidak memisahkan diri dengan amalan-amalan yang soleh

(10 markah)

(c) Apakah hikmah disyariatkan warak? Bincangkan.

(10 markah)

[25 markah]